Tiada cadangan catu air walaupun bekalan hanya mampu bertahan selama 30 hari

Paras Empangan Beris kritikal

ALOR SETAR – Empangan Beris di Sik dekat sini disahkan berada pada paras kritikal dan hanya mampu bertahan selama 30 hari manakala Empangan Muda di Kuala Nerang pula berada pada paras berjaga-jaga dan mampu bertahan selama 50 hari lagi.

AHMAD BASHAH

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, Empangan Beris berada pada paras 38.99 peratus manakala 93.73 meter atau 43 peratus bagi Empangan Muda.

Bagaimanapun, dua lagi empangan utama iaitu Pedu dan Ahning yang terletak di Padang Terap masih berada pada paras selamat iaitu 68.9 peratus (91.53 meter) dan 75.4 peratus (106.89 meter).

Justeru katanya, kegunaan bekalan air untuk domestik dan pertanian adalah mencukupi dan kerajaan negeri tidak berhasrat untuk melaksanakan catuan air buat masa ini.

"Belum perlu catu penggunaan air di Kedah tapi kita minta orang ramai bantu kita jangan bazir air, takut dalam jangka masa panjang akan hadapi masalah sama seperti negeri-negeri lain.



GAMBAR fail pada 5 April lalu menunjukkan Pengerusi Jawatankuasa Bekalan Air dan Tenaga Kedah, Datuk Badrul Hisham Hashim (kiri) melihat proses pelepasan air Empangan Beris di Sik dalam menghadapi fenomena El Nino.

Johor, Perlis catu air

Bekalan di Pulau Pinang dan Pahang turut kritikal ekoran paras empangan semakin merosot

KERATAN *Kosmo!* 16 April 2016.

"Cuma sesetengah daripada empangan di utara Kedah sudah dibuka ke sungai-sungai untuk disalurkan ke bahagian selatan Kedah kerana banyak kolam takungan berada di kawasan utara jadi kita dah buka aliran air itu turun ke kawasan selatan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Ditanya mengenai status bekalan air di Langkawi yang menerima 50 peratus bekalan air dari Perlis, beliau berkata, ketika ini Perlis masih lagi belum membuat catuan air terhadap pulau itu.

Kosmo! pada 16 April lalu melaporkan, kira-kira 1.7 juta penduduk di empat buah negeri iaitu Johor, Perlis, Pulau Pinang dan Pahang sukar untuk mendapatkan bekalan air bersih akibat fenomena El Nino yang menyebabkan paras air di beberapa buah empangan semakin merosot.

Johor merupakan negeri paling kritikal apabila Syarikat Air Johor membuat pengumuman untuk melaksanakan catuan air berjadual di negeri tersebut meliputi 85,000 penduduk bermula hari ini.

Pembenihan awan dilakukan di kawasan terjejas

PONTIAN – Pembenihan awan akan dijalankan dengan lebih kerap di kawasan empangan dan loji yang mengalami kemerosotan paras air bagi mengelakkan catuan bekalan air yang lebih panjang kepada penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor, Datuk Ir. Hasni Mohammad berkata, kawasan yang menjadi tumpuan ialah Empangan Sungai Linggui dan Empangan Sungai Johor di Kota Tinggi.

Katanya, kemerosotan paras air di kedua-dua empangan memberikan kesan kepada Loji Air Lok Heng dan Loji Sungai Gembut di Kota Tinggi sehingga memaksa catuan bekalan air dilaksanakan bermula hari ini.

"Tumpuan juga diberikan kepada daerah Mersing yang menerima kesan daripada fenomena El Nino apabila paras air di Loji Sungai Mersing dan Loji Sungai Tenglu merosot ke paras kritikal.

"Langkah yang diambil oleh kerajaan negeri ini antara usaha membantu mengelakkan catuan air yang lebih panjang," katanya di sini kelmarin.

Catuan air berjadual yang dilaksanakan Syarikat Air Johor itu melibatkan kira-kira 85,000 penduduk di daerah Kota Tinggi.

Dalam pada itu, menurut Hasni, kerajaan negeri berharap tiada lagi tempoh lanjutan diberikan bagi projek pembinaan baraj Johor yang sepatutnya siap pada bulan Mac lalu bagi mengawal kemasukan air masin ke Sungai Johor.